



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta`zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

A. JAWATAN LANTIKAN:

1. SKIM PERKHIDMATAN	: Penolong Pegawai Senibina
GRED	: JA29
KEKOSONGAN JAWATAN	: Satu (1) / Tetap
KLASIFIKASI	: Kejuruteraan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM	: RM1,549.00 – RM5,701.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00

1. SYARAT LANTIKAN:

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c)
 - i) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00) ; atau**
 - ii) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02) ; atau**

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab ke atas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan, Permohonan Pelan Susun Atur, Permohonan Kelulusan Landskap, Permohonan Pemasangan Papan Tanda Bangunan Komersial dan Bangunan Pejabat Kerajaan. Menyelaras pengeluaran surat sokongan Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (CF), Permohonan Ubahsuai Bangunan, reka bentuk ruang pameran dan bahan-bahan pameran, ulasan cadangan pencahayaan bangunan dan ulasan cadangan reka bentuk dalaman bagi bangunan-bangunan di bawah penyeliaan jabatan serta lain-lain tugas yang berkaitan.

2. SKIM PERKHIDMATAN	:	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
GRED	:	N19
KEKOSONGAN JAWATAN	:	Satu (1) / Tetap
KLASIFIKASI	:	Pentadbiran Dan Sokongan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM	:	RM1,352.00 – RM 4,003.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM100.00

1. SYARAT LANTIKAN:

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c)
 - i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
 - ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40) ; atau
 - iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

B. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada syarat lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan selepas dua kali penilaian prestasi (LNPT).

C. TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai lantikan tetap adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

D. LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

E. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

F. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pegawai lantikan tetap adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- a) memenuhi tempoh percubaan;
- b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

G. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN :

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

H. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

I. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN :

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iv) Bantuan Sara Hidup

J. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :

Permohonan adalah secara *online* melalui laman web www.mbpsg.gov.my. Semua dokumen hendaklah dimuat naik seperti berikut:-

- a) Ringkasan latar belakang pendidikan, pekerjaan dan penglibatan luar (Resume)
- b) Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Lahir
- c) Salinan Sijil-Sijil Akademik
- d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
- e) Salinan Lesen Memandu
- f) Gambar Warna Berukuran Passport
- g) Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/ Diploma/Ijazah);

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 02 MEI 2024

- i) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 17 Bab A Tahun 2005 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan).
- ii) Hanya calon yang layak untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Permohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

K. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK:

- i) Permohonan yang **tidak disertakan dokumen yang lengkap**
- ii) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan
- iii) Permohonan yang diterima **selepas tarikh tutup iklan**
- iv) Pemohon **tidak memenuhi/ tidak menepati syarat-syarat lantikan** jawatan yang diiklankan
- v) Tidak **menyertakan gambar passport** berwarna



DATO' ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN
Datuk Bandar

Tarikh : 18 APRIL 2024

Rujukan : MBPG:JKP/SM/2/21 Jld. 3 (30)